

04/06/2000

Jadikan sukan pendorong semangat bersaing: PM

NIBONG TEBAL: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat Malaysia menjadikan kegiatan sukan sebagai pendorong untuk meningkatkan semangat bersaing dengan bangsa lain di dunia.

Perdana Menteri berkata, semangat berlumba yang wujud sepanjang masa dalam bidang sukan dapat menjadi pencetus kepada semangat bersaing dalam apa jua bidang.

Persaingan dalam bidang sukan juga membolehkan rakyat turut bersaing dalam bidang lain termasuk ketenteraan, ekonomi dan ideologi.

"Jika atlit Malaysia sanggup berlatih bersungguh-sungguh dan berulang kali sudah pasti mereka dapat bersaing dengan atlit yang berkebolehan dengan bangsa lain di dunia.

"Sehubungan itu, kegiatan sukan wajar menjadi kegiatan penting rakyat Malaysia untuk mencapai tujuan itu, selain supaya sentiasa sihat dan kuat," katanya ketika menutup Sukan Malaysia Kelapan (Sukma VIII) di Stadium Negeri, Batu Kawan, di sini malam tadi.

Turut hadir ialah Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Sukma VIII, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishamuddin Tun Hussein dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Osu Sukam.

Lebih 15,000 atlit dan pegawai sukan daripada 19 kontinjen mengambil bahagian dalam temasya sukan terbesar tanah air yang berlangsung 10 hari bermula 25 Mei lalu.

Dr Mahathir berkata, Malaysia bercita-cita besar untuk menjadi tuan rumah Sukan Olimpik.

"Kita tidak akan dapat menjadi tuan rumah kalau hanya menyediakan stadium elok dan besar tetapi tiada atlit bertaraf dunia untuk bertanding dalam Sukan Olimpik," katanya.

Perdana Menteri yakin Malaysia mampu melahirkan atlit yang berwibawa berdasarkan kepada kejayaan memecahkan lebih 60 rekod Sukma VIII dan lapan rekod kebangsaan.

Beliau berkata, sukan juga mampu mengeratkan perpaduan dan keharmonian di antara rakyat berbilang kaum dengan pembentukan bangsa Malaysia yang tidak terpisah oleh kaum dan keturunan.

Di majlis itu, Perdana Menteri turut menyaksikan penyerahan bendera Sukma Kesembilan (Sukma IX) kepada Osu kerana Sabah akan menjadi tuan rumah Sukma 2002.

Lebih 50,000 penonton memenuhi stadium negeri bagi menyaksikan majlis penutupan itu. Turut diadakan persembahan kebudayaan negeri Sabah selaku penganjur Sukma XI 2002.

(END)